


KEADAAN jerebu di Tebingan Kuching, Sarawak.



PENGUNJUNG 'berselfie' berlatar belakang KLCC yang diselaputi jerebu.



Kena konsisten 72 jam

Kuala Lumpur Pembenihan awan hanya akan dilakukan sekiranya Indeks Pencemaran Udara (IPU) di sesuatu kawasan mencatatkan tahap tidak sihat untuk tempoh 72 jam secara konsisten, menurut Jabatan Meteorologi Malaysia (MET).

Ketua Pengarah MET Datuk Che Gayah Ismail berkata, ia adalah sebahagian daripada Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan dalam Pelan Tindakan Jerebu Kebangsaan.

"Setakat ini, belum ada kawasan tertentu yang mencatatkan IPU tidak sihat secara konsisten 72 jam, namun MET bersiap sedia sekiranya ada keperluan untuk melakukan pembenihan awan," katanya kepada BERNAMA di sini, semalam.

Tambahnya, terdapat beberapa syarat untuk melaksanakan pembenihan awan antaranya memerlukan keadaan atmosfera yang stabil, kandungan wap air yang banyak di udara serta penghasilan awan 'towering cumulus' yang tinggi dan besar.

Namun dengan cuaca kering dan kurangnya pembentukan awan yang berpotensi membawa hujan, pembenihan awan akan menyebabkan kerugian. Katanya, kos bagi setiap operasi pembenihan awan antara RM50,000 hingga RM80,000.

Che Gayah turut menjangkakan jerebu akan

pulih menjelang Oktober berikutan peralihan monsun yang berlaku ketika itu.

Sementara itu, Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah dalam kenyataan yang dimuat naik dalam laman Facebooknya berkata, berdasarkan pemantauan Kementerian di 17 klinik kesihatan, tidak ada peningkatan pesakit asma, jangkitan saluran pernafasan dan konjunktivitis akibat jerebu.

Beliau berkata, sebanyak 5,070 kes jangkitan saluran pernafasan dilaporkan pada minggu ke-35 (30 Ogos-5 September) menurun berbanding 6,502 kes pada minggu ke-34 (23-29 Ogos).

"Kes asma dan konjunktivitis pula masing-masing 736 kes direkodkan pada minggu ke-35 berbanding masing-masing 837 kes pada minggu sebelumnya," katanya.

Bagi Pengerusi Persatuan Nelayan Kebangsaan, Datuk Mohamad Dolmat, kebimbangan lebih tertumpu kepada keselamatan nelayan di laut dengan tahap penglihatan yang terjejas akibat jerebu.

Katanya, nelayan yang menggunakan bot kecil hanya menggunakan mata kasar sahaja untuk menentukan jarak, tidak seperti kapal besar yang mempunyai Sistem Kedudukan Global (GPS).

Empat belas lagi kawasan mencatat IPU tidak sihat ialah Nilai (135), Tanjung Malim (125), Seremban (123), Pasir Gudang (116) dan Bukit Rambai, Melaka (114)"

Antara 29 kawasan bacaan IPU sederhana ialah Kota Tinggi (82), Bakar Arang Sungai Petani (66), Tanjung Chat Kota Bharu (52), Balok Baru Kuantan (85) dan Seri Manjong Ipoh, (62)"

Selain itu, bacaan sederhana dicatatkan di Seberang Jaya 2 Perai, Keningau, Tawau, Bintulu, Miri, Sibú, Kemaman, Kuala

Harian metro
12/9/2015
mls 11

IPU mencecah 105 pada tahap tidak sihat setakat jam 5 petang menyebabkan bangunan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur kelihatan kabur.

Terengganu dan Labuan”



PENGAWAL
keselamatan
memakai topeng
mulut sebelum
solat Jumaat
di Masjid India
Kuala Lumpur,
semalam.

